

13/05/2000

Dr M mungkin rombak Kabinet

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membayangkan kemungkinan merombak barisan Kabinetnya, terutama di kalangan menteri dari Umno.

Perdana Menteri berkata, keputusan pemilihan di Perhimpunan Agung Umno semalam mungkin mempengaruhinya untuk berbuat demikian walaupun soal parti dan kerajaan tidak mempunyai hubungan secara langsung.

"Kabinet adalah Kabinet. Mungkin kalau ada sebab-sebab lain, kita mungkin timbang juga tapi tidak ada hubungan terus... tak secara langsung. Tetapi mungkin mempengaruhi juga pemikiran daripada kerajaan," katanya dalam sidang akhbar selepas Perhimpunan Agung Umno hari kedua ditangguhkan petang ini.

Dr Mahathir ditanya mengenai kemungkinan berlaku perubahan dalam Kabinet selepas keputusan pemilihan Majlis Tertinggi (MT) dan Pemuda Umno menyaksikan kekalahan beberapa menteri dan timbalan menteri.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman tewas kepada Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Menteri Luar, Datuk Syed Hamid Albar dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim pula gagal dalam perebutan kerusi Naib Presiden dan mereka juga tidak bertanding jawatan ahli MT.

Dr Mahathir yang turut ditanya mengenai kemungkinan penggal sekarang adalah penggal terakhirnya menyandang jawatan Presiden Umno (2000-2003), berkata segala kemungkinan itu ada.

"Itu mungkin. Apa saja tidak mustahil. Tiada siapa yang popular selama-lamanya ... saya berpendapat begitu, saya tidak tahu. Saya sudah tua. Usia biasa bagi hakim untuk bersara ialah 65, saya 75 tahun ... dah lebih 10 tahun," katanya.

Mengenai kekalahan semua lima calon wanita dalam pemilihan ahli MT, Perdana Menteri berkata, wakil wanita akan dilantik sebagai ahli MT.

"Mereka sememangnya layak dilantik," katanya.

Semua lima calon itu, termasuk Datuk Shahrizat Jalil gagal, dengan Ketua Pergerakan itu, Datuk Seri Rafidah Aziz menganggapnya sebagai kesilapan strategi pucuk pimpinan lama pergerakan itu.

Ditanya sama ada ia menandakan undi protes terhadap Rafidah, Perdana Menteri berkata, ia hanya corak pengundian yang diamalkan oleh perwakilan ke perhimpunan kali ini.

"Saya ingat perwakilan hanya pangkah orang yang mereka kenal, jadi (undi) itu tidak dapat pada Wanita Umno," katanya.

Mengenai tindakan sesetengah perwakilan mengejek Rafidah di perhimpunan itu, Dr Mahathir berkata amalan itu tidak seharusnya wujud walaupun mereka mungkin tidak berpuas hati dengan perubahan pucuk pimpinan.

Beliau berkata, pada pemilihan lalu, pihak yang kalah tidak mengejek pemimpin yang menang.

"Jadi saya harap, perwakilan tidak berbuat demikian, kerana ia bukan satu unsur utama perhimpunan Umno ini," katanya.

Mengenai isu tebusan Sipadan, Perdana Menteri berkata, walaupun Malaysia mahu melihat perkembangan positif, ia tidak akan menyalahkan sesiapa walaupun isu berkenaan masih gagal diselesaikan.

"Setiap kerajaan mahu melakukan yang terbaik dan saya berdoa untuk yang terbaik," katanya.

(END)

